

01/05/1997

Matlamat kongres nilai kemajuan dicapai

PETALING JAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kongres Kebangsaan Wawasan 2020 bukan bertujuan untuk mengkaji semula wawasan itu sebaliknya menilai kemajuan yang diperolehi setakat ini dalam usaha menuju ke arah matlamat berkenaan.

Menurut Perdana Menteri, sesi perbincangan juga bertujuan mengenal pasti masalah dan halangan yang mungkin dihadapi dalam perjalanan mencapai matlamat sepenuhnya Wawasan 2020.

"Kita tidak seharusnya merombak semula atau pun mengusik apa yang sudah dipersetujui semua pihak.

"Saya berharap peserta dapat menggunakan peluang di kongres ini untuk membincangkan isu berkenaan dan merumuskan langkah yang harus diambil untuk mengatasinya," katanya dalam kata-kata aluan buku aturcara kongres itu.

Kongres dua hari yang berakhir hari ini membentangkan sembilan tajuk yang berkaitan rangka usaha menghadapi alaf baru abad ke-21 yang asaskan industri maklumat.

Kongres itu dianjurkan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) serta Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata Wawasan 2020 sudah di laksanakan enam tahun lalu, tetapi ia disifatkan jangka masa singkat untuk merealisasikan sesuatu agenda kebangsaan.

Namun, wawasan itu diterima baik oleh segenap anggota masyarakat negara ini sehingga kemajuan cemerlang negara selepas pelancaran wawasan itu amat membanggakan.

"Beberapa negara Afrika dan Amerika Selatan sudah mengkaji Wawasan 2020 dan begitu tertarik dengannya sehingga mereka pula merancang Wawasan 2020 mereka," katanya.

Semalam, Dr Mahathir menyampaikan ucap utama di majlis pembukaan kongres itu yang antara lain mengingatkan seluruh rakyat Malaysia supaya bergerak sebagai satu pasukan untuk mencapai Wawasan 2020.

Ini diikuti dengan sesi perbincangan dengan tajuk Mewujudkan Bangsa Malaysia Yang Bersatupadu: Menuju Masa Depan; Memantap dan Membangunkan Masyarakat Demokratik Yang Matang: Menuju Masa Depan; Mewujudkan Masyarakat Malaysia Yang Mempunyai Kebebasan Psikologi, Selamat dan Maju; Menuju Masa Depan; Mewujudkan Masyarakat Bermoral dan Beretika Sepenuhnya; Menuju Masa Depan, serta Mewujudkan Masyarakat Yang Matang, Liberal dan Bertolak-ansur: Menuju Masa Depan.

Pada akhir sesi petang ini, Dr Mahathir menghadiri dialog dengan peserta kongres selama kira-kira satu setengah jam.

(END)